

## **Ulasan Buku**

**Title: Islamic Banking; A Practical Perspective**

**Authors: Kamal Khir, Lokesh Gupta and Bala Shanmugam**

**Reviewer: Asharaf Mohd Ramli**

*Universiti Sains Islam Malaysia*

Seiring dengan kepesatan industri perbankan Islam dunia, terdapat pelbagai bentuk penulisan bertemakan sistem perbankan dan kewangan Islam telah dihasilkan samada di dalam bentuk artikel, jurnal dan buku. Bahan-bahan berbentuk ilmiah ini telah menjadi rujukan kepada masyarakat umum, ahli-ahli perbankan dan pelabur-pelabur di dalam memahami konsep perbankan Islam yang mula diasaskan sekitar tahun tujuh puluhan yang lalu. Terdapat buku yang menumpukan kepada aspek teoritikal seperti kajian dari sudut ilmu muamalah Islam dan tidak kurang juga yang menumpukan kepada aspek praktikal amalan perbankan Islam. Buku yang bertajuk “Islamic Banking: A Practical Perspective” hasil gabungan dua genre penulis yang berbeza latarbelakang iaitu seorang ahli perbankan yang berpengalaman luas dan dua orang ahli akademik telah berjaya menghasilkan sebuah buku yang tidak hanya menyentuh aspek teoritikal tetapi juga memfokuskan kepada aspek amalan praktikal yang terdapat di dalam sistem perbankan Islam masa kini.

Buku ini amat sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat seperti pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi, ahli-ahli pengamal perbankan, terutama kepada individu atau orang perseorangan yang ingin mengetahui dan mendalami sistem perbankan Islam. Pendekatan penulis yang menggunakan ilustrasi-ilustrasi seperti gambarajah, carta alir dan asas-asas pengiraan memudahkan pembaca memahami setiap topik yang dibincangkan. Penerangan mengenai modus operandi yang ditunjukkan bagi setiap produk-produk perbankan Islam juga dilihat telah memberikan satu gambaran sebenar kepada para pembaca tentang praktis atau amalan yang diamalkan oleh bank-bank terbabit di dalam mengurus dan mentadbir produk-produk terbabit.

Sebagaimana diketahui bahawa Shariah Islam adalah merupakan asas ataupun sumber utama sistem perbankan Islam, empat bab awal daripada keseluruhan sembilan bab buku ini dikhususkan bagi membincangkan aspek-aspek Shariah yang terdapat di dalam sistem perbankan Islam seperti sumber rujukan dan matlamat Shariah, larangan riba dan gharar serta kontrak jual beli di dalam

Islam. Kesemua aspek ini adalah merupakan asas terpenting yang perlu dipelajari oleh setiap individu yang mahu mendalami ilmu perbankan Islam. Larangan penggunaan riba dan gharar misalnya, adalah merupakan dua perkara pokok yang membezakan di antara sistem perbankan Islam dan juga sistem perbankan konvensional. Perbincangan terperinci mengenai kontrak jual beli di dalam Islam pula merangkumi rukun-rukun jual beli, pembahagian kontrak-kontrak jual beli dan penentuan kesahihan sesuatu kontrak. Diterangkan juga jenis-jenis kontrak yang diamalkan oleh bank-bank Islam yang terdiri dari kontrak jualan seperti murabahahah dan tawliah, kontrak perkongsian seperti musyarakah dan mudharabah serta kontrak sokongan seperti wakalah dan hiwalah.

Terdapat dua aspek praktikal yang diberi tumpuan utama di dalam buku ini iaitu berkenaan dengan instrumen-instrumen deposit dan produk-produk kewangan atau pembiayaan yang diamalkan di bank-bank Islam. Instrumen-instrumen deposit bank Islam diasaskan melalui dua konsep syariah iaitu wadi'ah dan mudharabah. Ketiga-tiga jenis akaun deposit perbankan Islam seperti akaun simpanan, akaun semasa dan akaun pelaburan distruktur berdasarkan konsep wadi'ah ataupun mudharabah. Selain diterangkan modus operandi deposit perbankan Islam, perbezaan di antara produk-produk deposit perbankan Islam dan konvensional turut dipaparkan. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, perbezaan ketara di antara kedua-dua produk ini dapat dilihat daripada asas perbankan konvensional yang dibina di atas konsep riba dan perbankan Islam yang menolak amalan riba dan kontrak-kontrak dibina di atas konsep perkongsian.

Produk-produk kewangan atau pembiayaan Islam adalah merupakan nadi kepada perkembangan pesat industri perbankan dan kewangan Islam. Penerangan terperinci dua belas kontrak utama di dalam sistem kewangan Islam seperti bai bithamanil ajil, musyarakah, ijarah dan bai inah telah dilakukan beserta dengan ilustrasi yang jelas bagi setiap produk. Pembaca akan dapat melihat modus operandi bagi setiap produk yang bermula dari permulaan kontrak sehingga penamatan kontrak dan sedikit pengiraan ringkas. Seiring dengan dua motif utama kewangan Islam iaitu menyalurkan dana dari golongan yang mempunyai lebihan harta kepada golongan yang kekurangan harta serta bertujuan menambah harta seseorang, kontrak-kontrak yang ditawarkan dilihat mampu memenuhi keperluan pihak usahawan dan pengusaha-pengusaha syarikat perniagaan.

Tiga bab terakhir menyentuh tentang perbezaan diantara produk-produk perbankan Islam di beberapa negara, penggunaan teknologi maklumat oleh bank-

bank Islam serta pengurusan korporat di dalam perbankan Islam. Menyentuh tentang produk-produk perbankan di lima negara yang dipilih di dapat ada perbezaan dari sudut terminologi dan penggunaan produk-produk terbabit di antara negara yang dikaji. Selain itu, perkembangan pesat ilmu teknologi maklumat seharusnya digunakan oleh bank-bank Islam di dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan sebagaimana yang dilakukan oleh bank-bank konvensional. Aspek pengurusan korporat yang sistematik dan berdaya saing juga perlu ditikberatkan bagi menjamin keupayaan perbankan Islam bersaing di dalam sistem perbankan yang berbentuk global.

Walaupun mempunyai susunan tajuk-tajuk yang dikira mencakupi keseluruhan sistem perbankan Islam, adalah lebih baik sekiranya penulis memberikan contoh-contoh kontrak yang dilakukan dalam bentuk apendiks sebagai rujukan tambahan kepada para pembaca. Selain itu, penambahan data-data statistik perbankan Islam juga dilihat mampu memberikan gambaran kepada pembaca tentang perkembangan industri perbankan dan kewangan Islam secara lebih jelas.

Setelah meneliti keseluruhan buku ini, didapati ianya amat sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat terutamanya pelajar-pelajar yang ingin mendalami dan memahami industri perbankan dan kewangan Islam. Tajuk-tajuk yang diutarakan mencakupi kedua-dua aspek teoritikal dan praktikal perbankan dan kewangan Islam. Penerangan yang ringkas dan padat beserta ilustrasi gambarajah dan carta alir menjadikan buku ini mudah difahami.